

Integriti perlu bermula dari rumah



NOOR
MOHAMAD
SHAKIL HAMEED

TITAH Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ketika menyempurnakan Majlis Sambutan Bulan Integriti Nasional 2025 bahawa usaha membina masyarakat berintegriti perlu bermula dari rumah kerana institusi keluarga merupakan madrasah pertama dalam pembentukan sahsiah anak-anak wajar dijadikan pedoman oleh seluruh anggota masyarakat.

Hakikatnya masalah defisit integriti dalam kalangan rakyat mencakupi soal rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa semakin membimbangkan walaupun pihak berkuasa semakin agresif mengambil tindakan termasuk pelaksanaan pelbagai program pendidikan kesedaran dan pencegahan.

Ternyata masalah ini masih terus menjadi duri dalam daging yang sedang menghancurkan nilai asas kemanusiaan seperti kejujuran, amanah dan tanggungjawab. Akibatnya negara dan rakyat mengalami pelbagai kemudatan mencakupi kerugian wang negara, menjejaskan ekonomi, selain menormalisasikan budaya hidup yang tidak sihat.

Kita perlu akur nilai integriti tidak dapat disemai dan disuburkan melalui dasar atau pelan semata-mata, sebaliknya seperti titah Sultan Nazrin perlu dibentuk melalui pendidikan yang berterusan, disemai di rumah, disuburkan di sekolah, diperkukuh oleh masyarakat dan diinspirasi oleh kepimpinan yang boleh diteladani.

Dalam konteks ini peranan ibu bapa dan ahli keluarga dalam menyemai benih integriti dalam jiwa anak-anak perlu diperkukuhkan. Ironinya, di rumahlah anak-anak belajar untuk membezakan apa erti benar dan salah, jujur dan menipu, amanah dan khianat. Nilai-nilai murni disulami kasih sayang yang dibentuk di rumah akan menjadi asas kepada pembentukan karakter anak mencakupi soal sikap, prinsip dan keperibadian seseorang apabila meningkat dewasa kelak. Ironinya, keluarga bukan sekadar tempat



NILAI integriti yang disemai, disubur dan diperkasakan dalam keluarga akan melahirkan generasi yang jujur, bertanggungjawab dan adil.

**“
Harus diingat, nilai yang diamal dan dipertontonkan oleh ibu bapa kepada anak lebih berkesan daripada nasihat yang sering diulang.”**

berlindung dan berkasih sayang, tetapi madrasah nilai yang membentuk akhlak dan integriti setiap insan.

Lima strategi berikut boleh dijadikan panduan untuk menyemai dan memperkasa nilai integriti dalam kalangan ahli keluarga, khususnya anak-anak. Pertama, ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada setiap anak kerana mereka belajar dengan melihat apa kita buat.

Harus diingat, nilai yang diamal dan dipertontonkan oleh ibu bapa kepada anak lebih berkesan daripada nasihat yang sering diulang. Jujurnya, anak-anak akan meniru apa yang mereka lihat, yakni jika mereka melihat amalan kejujuran, disiplin dan tanggungjawab oleh ibu bapa, maka nilai itu akan berakar kukuh dalam jiwa mereka.

Sebaliknya, jika anak sering melihat kepura-puraan atau penipuan kecil seperti menipu alasan kepada guru atau jiran, pasti mereka akan belajar bahawa integriti boleh dikompromi demi

kepentingan diri. Oleh itu, pendidikan integriti mesti bermula dengan teladan moral daripada ibu bapa sendiri.

Kedua, ibu bapa perlu berani dan konsisten dalam membudayakan nilai kejujuran dalam komunikasi keluarga. Misalnya, anak-anak perlu dibiasakan untuk bercakap benar, walaupun dalam perkara kecil atau remeh. Ibu bapa pula harus mencipta suasana yang selamat untuk anak meluahkan perasaan dan mengakui kesilapan tanpa dihukum secara melulu atau melampau. Ini penting kerana budaya takut bersuara atau menyorok kesalahan boleh menjadi benih kepada ketidakjujuran apabila mereka meningkat dewasa. Ajar dan didiklah anak-anak betapa integriti bukan sekadar tidak menipu, tetapi berani mengakui kebenaran dan memperbetulkan kesilapan.

Ketiga, ibu bapa perlu ajar anak-anak apa makna sebenar amanah dan tanggungjawab dalam kehidupan seharian, yakni terapkan bahawa kita tidak boleh memilih untuk selektif dalam mengamalkannya.

Penerapan budaya amanah boleh dimulakan dengan pelbagai tugas rutin dan santai di rumah. Misalnya, berikan tanggungjawab kepada anak untuk menjaga barang sendiri, menyiram pokok di halaman rumah pada setiap hari, atau membantu urusan rumah lain secara spesifik yang perlu diuruskan

tanpa diingatkan setiap kali.

Pendidikan rutin tidak formal sebegini mudah melatih mereka menjadi individu yang tidak cuai terhadap tanggungjawab apabila dewasa, sama ada sebagai pelajar, pekerja mahupun pemimpin.

Keempat, tegas mendidik untuk tidak membudayakan amalan jalan pintas dan matlamat menghalalkan cara dalam apa jua aktiviti harian. Sedar atau tidak budaya jalan pintas dan menghalalkan cara atas alasan mahu cepat memperoleh sesuatu hasil mula mencengkam kehidupan harian anggota masyarakat.

Dalam konteks keluarga misalnya, ibu bapa terlalu mudah memberikan sesuatu kebenaran atau kemudahan kepada anak tanpa asas disiplin usaha yang sewajarnya. Sikap sebegini, jika tidak dikawal, akan membentuk generasi yang tidak menghargai nilai usaha, dan mudah tergoda untuk mencari jalan mudah walaupun menyalahi prinsip mahupun undang-undang. Justeru, ibu bapa perlu menegaskan bahawa nilai keberkatan sesuatu kejayaan terletak di sebalik elemen kejujuran, kerja keras dan niat yang betul dan bukannya daripada tipu helah atau jalan pintas.

Kelima, ibu bapa perlu utamakan pendidikan agama dan nilai spiritual sebagai benteng moral yang mampu menyediakan panduan dalam kehidupan sekali gus melindungi anak daripada

kemudatan sosial.

Nilai integriti tidak hanya bersifat sosial, tetapi juga perlu berpegang teguh kepada ajaran agama, yakni atas kesedaran setiap perbuatan yang dilakukan akan diperhatikan oleh Tuhan. Oleh itu nilai agama perlu dijadikan benteng utama yang membentuk jiwa dan mengawal setiap tingkah laku walaupun tiada siapa yang memerhatikannya. Justeru setiap keluarga perlu menyeimbangkan pendidikan duniawi dengan pengisian rohani. Ironinya, didikan agama yang betul dan konsisten akan melahirkan individu yang bukan sahaja takut kepada undang-undang, tetapi juga malu kepada Tuhan.

Tuntasnya, nilai integriti yang disemai, disubur dan diperkasakan dalam keluarga akan melahirkan generasi yang jujur, bertanggungjawab dan adil, sekali gus menjadi asas kepada amalan tadbir urus yang bersih serta meningkatkan tahap kepercayaan rakyat terhadap institusi negara. Justeru, institusi keluarga perlu memainkan peranan yang sewajarnya kerana tugas membentuk integriti bukan tanggungjawab kerajaan semata-mata, tetapi amanah bersama yang sebenarnya bermula dengan kita di rumah.

NOOR Mohamad Shakil Hameed ialah Timbalan Pengarah (Komunikasi Korporat), Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK), Universiti Putra Malaysia (UPM).